

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menggubal undang-undang atau polisi untuk menyokong perkembangan ekonomi gig dan pekerja informal (informal workers) di samping menggalakkan rakyat menceburi serta dimanfaatkan sepenuhnya dalam sektor ini terutamanya dari segi keselamatan sosial pekerja gig dan peluang latihan serta pembangunan yang telah diberikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui agensi di bawahnya, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah melaksanakan Program eRezeki yang berasaskan kepada model Ekonomi Perkongsian dan Ekonomi Gig dengan matlamat untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan menerusi kaedah dan aplikasi digital.

Sebagai langkah untuk memastikan keselamatan penyertaan masyarakat di dalam platform-platform Ekonomi Perkongsian/Gig ini, pihak KKMM dan MDEC telah mengambil langkah untuk menyemak dan menentusahkan platform-platform digital yang menjadi penghubung kepada pasaran dan penyedia perkhidmatan. Ini adalah bagi memastikan aspek kesahihan, keupayaan pihak penyedia platform dari segi pasaran,

SOALAN NO : 41

melaksanakan pembayaran dan menguruskan penyedia perkhidmatan atau pekerja gig yang menyertai platform mereka. Sehingga Jun 2021, sejumlah 133 platform telah ditentukan. Senarai platform-platform ini juga turut diguna pakai oleh pihak PERKESO dan KWSP dalam usaha mempromosikan caruman keselamatan kepada individu-individu pekerja gig yang terlibat.

Berhubung isu perundangan, kawal selia serta cabaran-cabaran dalam usaha memanfaatkan model Ekonomi Perkongsian/Gig untuk pembangunan ekonomi dan menjamin masa hadapan pekerja gig - penelitian dan perbincangan berkaitan definisi pekerja gig, pekerja digital bebas (*digital freelancer*), ejen bebas dan beberapa terma lain yang berkaitan sedang dilaksanakan bersama agensi Kerajaan/pihak yang berkaitan. Penjelasan definisi dan pewujudan takrifan rasmi ke atas terma-terma utama ini di bawah model Ekonomi Perkongsian/Gig akan membantu pelbagai pihak dalam mengenal pasti skim keselamatan dan perlindungan sosial yang inovatif dan anjal, selaras dengan perkembangan teknologi dan model baharu pekerjaan berasaskan platform digital.

Pihak KKMM dan MDEC juga telah mencadangkan penubuhan satu Jawatankuasa Sharing Economy di bawah Kluster Ekonomi di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara bagi memastikan pengembangan potensi model Ekonomi Perkongsian/Gig ini dapat dilaksanakan secara terancang dan berkoordinasi. Usaha ini adalah selari dengan perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menyelaraskan tadbir urus digital dengan lebih baik dalam menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan model Ekonomi Perkongsian/Gig.